

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 9 MEI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 25

Sektor perkhidmatan catat kenaikan harga

Sektor perkhidmatan catat kenaikan harga

Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan (IHPRP) yang mengukur perubahan harga pengeluar bagi sektor perkhidmatan tempatan mencatatkan 114.7 mata pada suku tahun pertama 2023, meningkat 3.4 peratus berbanding 110.9 pada suku yang sama tahun sebelumnya.

Dalam kenyataan, Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata kebanyakannya subsektor merekodkan peningkatan harga pada suku ini, khususnya dalam penginapan serta aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman dengan 8.3 peratus disumbangkan oleh peningkatan dalam restoran dan aktiviti perkhidmatan makanan bergerak (9.8 peratus).

"Subsektor pengangkutan naik 6.5 peratus disumbangkan pengangkutan penumpang udara sebanyak 25.6 peratus," katanya.

Sementara itu, Mohd Uzir berkata indeks kesenian, hiburan dan rekreasi serta pendidikan masing-masing merekodkan 1.1 peratus kenaikan disebabkan oleh aktiviti hiburan dan rekreasi lain (1.9 peratus) serta pendidikan menengah (1.9 peratus).

Beliau turut menjelaskan subsektor lain yang merekodkan kenaikan adalah profesional (0.5 peratus) dan kesihatan (0.4 peratus).

"Bagaimanapun, indeks bagi aktiviti hartanah serta maklumat dan komunikasi kekal tidak berubah," katanya.

Subsektor pengangkutan meningkat 6.5 peratus disumbangkan pengangkutan penumpang udara sebanyak 25.6 peratus.

*Mohd Uzir Mahidin,
Ketua
Perangkawan
Malaysia*



Mohd Uzir menambah, berdasarkan perbandingan Suku tahun ke suku tahun, IHPRP meningkat 0.3 peratus berbanding 0.4 peratus yang dilaporkan pada suku tahup sebelumnya.

Beliau berkata, peningkatan ini disebabkan indeks penginapan serta aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman (1.3 peratus), pendidikan (0.5 peratus), pengangkutan (0.3 peratus), kesihatan (0.2 peratus) dan profesional (0.1 peratus).

"Bagaimanapun, indeks bagi kesenian, hiburan dan rekreasi mencatatkan penurunan negatif 1.7 peratus.

"Indeks bagi aktiviti hartanah dan maklumat dan komunikasi kekal tidak berubah," katanya.